

## **Thailand Unjur Pertumbuhan Perbelanjaan Perlahan Ketika Songkran Berikutan Pergolakan Politik**

**Bernamea**

**8 Apr, 2014**

**Oleh Piyarat Nisangkard**

BANGKOK, 8 April (Bernama) -- Pengguna Thailand akan terus berbelanja lebih untuk meraikan pesta Songkran bermula hujung minggu ini, namun pertumbuhan perbelanjaan dijangka kecil berikutan krisis politik dalam negara menjejaskan keyakinan rakyat.

Perbelanjaan akan tumbuh sebanyak 2.36 peratus kepada 116.81 bilion baht, pertambahan paling rendah dalam tempoh empat tahun, demikian menurut University of the Thai Chamber of Commerce (UTCC).

Lazimnya perbelanjaan sempena pesta itu tumbuh dua angka, namun pengguna kini bimbang terhadap pergolakan politik, yang bermakna perbelanjaan tidak banyak meningkat untuk perbelanjaan dan perjalanan, kata Thanavath Phonvichai, Pengarah Pusat Unjuran Ekonomi dan Perniagaan UTCC.

Tinjauan itu melibatkan 1,233 responden. Tahun lepas perbelanjaan pengguna ketika pesta Songkran meningkat 10.42 peratus kepada 114.11 bilion baht.

Kini rakyat bimbang mengenai pendapatan masa depan mereka sendiri, kata Thanavath.

Menurut pusat itu, lebih ramai orang akan meminjam tahun ini untuk meraikan pesta Songkran tersebut.

Tahun ini, 20.1 peratus responden menyatakan bahawa mereka bercadang meminjam sempena musim perayaan berbanding hanya 9.7 peratus tiga tahun lalu.

Thanavath berkata sikap pengguna yang mahu meminjam untuk pesta itu adalah satu pertanda bahaya kepada ekonomi kerana ia jelas menunjukkan rakyat tidak mempunyai pendapatan mencukupi untuk berbelanja.

Hutang isi rumah dijangka bertambah ke paras membimbangkan, kini pada tahap 80 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1028938>